

24/12/1998

Penyingkiran Anwar sah (HL)

Khairul Bahri Basaruddin; Anwar Hussin

KUALA LUMPUR, Rabu - Mahkamah Tinggi hari ini membatalkan saman Datuk Seri Anwar Ibrahim terhadap Perdana Menteri dan Kerajaan Malaysia berhubung pemecatannya daripada Kabinet pada 2 September lalu yang didakwa tidak sah dan batal.

Hakim Datuk Mohd Saari Yusoff membenarkan permohonan pembatalan saman itu dengan kos, yang dikemukakan menerusi Peguam Kanan Persekutuan, Datuk Zaitun Zauyah Puteh, mewakili Perdana Menteri dan Kerajaan Malaysia.

Anwar, bekas Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan memfailkan saman pada 13 November lalu, memohon pengisytiharan bahawa pemecatannya bercanggah dengan Perkara 43 (5) Perlembagaan Persekutuan.

Beliau memohon kepada mahkamah mengisytiharkan pemecatannya tidak sah dan batal serta tidak berkesan. Anwar juga memohon satu pengisytiharan bahawa beliau masih lagi seorang menteri Kabinet.

Dalam penghakimannya, Mohd Saari berkata, perkara yang perlu ditetapkan ialah sama ada pembatalan pelantikan Anwar sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan tidak mengikut Perlembagaan.

Beliau berkata, walaupun tidak mengikut format, pada pendapatnya, surat pembatalan sudah memenuhi Perkara 43 (5) Perlembagaan Persekutuan.

Sehubungan itu, katanya, beliau tidak nampak perlunya perbincangan atau perbahasan mengenai perkara itu.

"Dalam prosiding ini, mengenai fakta dan undang-undang, saya membuat keputusan kes Anwar tidak boleh diterima atas sebab-sebab yang diberikan," katanya.

Karpal Singh, yang mewakili Anwar berhujah, mengikut Perkara 43 (5) itu, Perdana Menteri hanya menasihati dan pembatalan harus dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Perdana Menteri.

Zaitun berhujah bahawa Perkara 43 (5) harus dibaca bersama Perkara 40 (1A) Perlembagaan Persekutuan yang menyatakan bahawa adalah mandatori bagi Yang di-Pertuan Agong untuk mengikut, menerima dan bertindak atas nasihat Perdana Menteri.

Mohd Saari berkata, biasanya Yang di-Pertuan Agong sendiri tidak memberitahu seseorang menteri mengenai pembatalan pelantikannya kerana tiada format yang ditetapkan dan kerana itu Seri Paduka boleh meminta setiausaha sulitnya menandatangani surat pembatalan itu.

"Saya tidak nampak kenapa Perdana Menteri sendiri tidak boleh menandatangani surat yang menyatakan keputusannya. Adalah benar tiada apa yang menunjukkan surat Perdana Menteri ditulis atas perintah Yang di-Pertuan Agong.

"Bagaimanapun saya berpendapat, bahawa memandangkan Yang di-Pertuan Agong telah diberitahu mengenai keputusan itu, pengecualian itu tidak memberi apa-apa kesan," katanya.

Pada 21 Disember lalu, Mohd Saari menolak permohonan Anwar supaya kes samannya dipindahkan kepada hakim Datuk James Foong, mahkamah asal kes itu didaftarkan untuk dibicarakan.

Mohd Saari memberi alasan beliau mendapat arahan bertulis daripada Hakim Besar Malaya, Datuk Wan Adnan Ismail supaya mendengar kes berkenaan.

Pada 1 Disember lalu, Peguam Negara memfailkan satu permohonan membatalkan saman Anwar atas alasan bahawa ia tidak mendedahkan apa-apa kuasa tindakan yang munasabah, mengaibkan, remeh dan menyusahkan serta satu penyalahan proses mahkamah.

Permohonan itu disokong oleh afidavit Setiausaha Sulit Yang di-Pertuan

Agong, Ja'apar Wahab dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Abdul Halim Ali.

Dalam afidavit itu, mereka mendakwa pelucutan jawatan Anwar diperkenankan Yang di-Pertuan Agong dan Seri Paduka membuat perintah supaya memotong nama Anwar daripada jawatan Menteri Kewangan dan menggantikan namanya dengan nama Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Anwar memfailkan satu afidavit jawapan pada 4 Disember lalu dengan berkata, Peguam Negara membuat permohonan itu kerana salah anggap.

Dalam samannya yang disokong oleh afidavit, Anwar mendakwa beliau yang menjadi Ahli Parlimen Permatang Pauh sejak 1982, dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan selepas pilihan raya umum 1995.

Menurutnya, pelantikannya oleh Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Perdana Menteri mengikut Perkara 43 (20) (b) Perlembagaan Persekutuan.

Bagaimanapun, katanya, pada jam 5.30 petang 2 September lalu Perdana Menteri melucutkan jawatannya sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan secara tidak sah dan bercanggah dengan Perkara 43 (5).

Katanya, pelantikannya sebagai menteri oleh Yang di-Pertuan Agong dan beliau juga boleh membatalkan pelantikan itu atas nasihat Perdana Menteri mengikut Perkara 43 (5).

Sementara itu, Karpal memberitahu pemberita, pihaknya akan memfailkan notis rayuan terhadap keputusan itu di pejabat Pendaftar Mahkamah Tinggi esok.

(END)